

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI  
[ LAHAD DATU ]**

**SOALAN**

**DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [ LAHAD DATU ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jenis dan jumlah bantuan yang diberikan kepada petani dan nelayan di Parlimen Lahad Datu sejak pandemik COVID-19 hingga kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan RM300 secara 'one off' dengan pembayaran sebanyak dua (2) kali pada tahun 2020 dan sekali pada tahun 2021 untuk golongan B40 telah memanfaatkan seramai 2,983 orang petani di daerah Lahad Datu.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pula telah membantu seramai 13,159 orang ahli persatuan di Negeri Sabah melalui pelbagai bantuan termasuk kepada seramai 772 orang nelayan di Parlimen Lahad Datu. Antara bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Program Bantuan Sabah (Sehingga September 2021)</b>	<b>Bilangan Penerima (Orang)</b>	<b>Nilai (RM)</b>
1.	Bakul Makanan ( <i>Food Basket</i> )	141	14,100.00
2.	Elaun Sara Hidup	611	182,356.80
3.	Projek Tanaman Kontan	20	20,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>772</b>	<b>216,456.80</b>

LKIM telah membangunkan Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) di Lahad Datu pada tahun 2019 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 50,000.00 yang bertujuan:

- i. Membantu penternak kecil mendapat pasaran bagi hasil keluaran mereka;
- ii. Menjalin pasaran antara penternak dan pemasar; dan
- iii. Memberi sokongan dan galakan kepada perniagaan pemasaran Persatuan Nelayan dan usahawan pemasar.

Selain itu, LKIM juga telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM 390,633 di Parlimen Lahad Datu bagi tempoh 2019 hingga kini di

bawah Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI) yang bertujuan untuk menggalakkan nelayan meningkatkan hasil tangkapan. Pemberian insentif ini bertujuan untuk memberi galakan kepada pemilik vesel perikanan untuk mendaratkan hasil perikanan di dalam negara sekaligus dapat menjana pendapatan.

MAFI melalui Jabatan Pertanian Sabah juga masih meneruskan pemberian insentif di bawah program-program sedia ada. Pemberian insentif-insentif ini telah memberi manfaat kepada seramai 277 orang petani di Lahad Datu.

Antara jenis insentif yang ditawarkan kepada petani di kawasan Lada Datu adalah:

- i. Perolehan input pertanian seperti anak benih, baja kimia dan organan, racun rumpai dan perosak;
- ii. Penyediaan Infrastruktur ladang (pembersihan kawasan, perparitan, pagar, jalan ladang dan sistem pengairan); dan
- iii. Perolehan peralatan pertanian.

Sekian, terima kasih.

**SPEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
(KOTA SAMARAHAN)**

**SOALAN**

**PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG** minta **MENTERI KANAN  
PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) status projek gantian penuh Sekolah Menengah Kebangsaan Muara Tuang dan Sekolah Kebangsaan Tambay, Kota Samarahan; dan
- (b) cadangan membina Sekolah Kebangsaan Desa Ilmu, Kota Samarahan bagi mengatasi kesesakan Sekolah Kebangsaan Dato Mohd Musa dan Sekolah Kebangsaan Dato Traoh.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan kondusif bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan gantian penuh Sekolah Menengah Kebangsaan Muara Tuang, Kota Samarahan, Sarawak telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) *Rolling Plan* 1 tahun 2016. Skop projek ini meliputi pembinaan 36 bilik darjah, asrama untuk 400 pelajar dan lain-lain kemudahan dengan kos berjumlah RM76.80 juta. Projek ini telah ditender pada 18 November 2021. Tempoh pembinaan adalah selama 36 bulan dan projek dijangka siap pada Februari 2025.

Bagi projek pembinaan gantian penuh Sekolah Kebangsaan Tambay, Kota Samarahan, Sarawak pula telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) *Rolling Plan* 4 tahun 2019. Skop projek ini meliputi pembinaan 10 bilik darjah, 1 bilik darjah prasekolah, surau dan lain-lain kemudahan dengan kos berjumlah RM12 juta. Projek ini dijangka akan ditender pada Disember 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan cadangan pembinaan baharu Sekolah Kebangsaan Desa Ilmu, Kota Samarahan, semakan rekod KPM menunjukkan Sekolah Kebangsaan Dato Mohd Musa mempunyai enrolmen murid seramai 1,078 orang berbanding dengan kapasiti tempat sebanyak 1,365. Manakala Sekolah Kebangsaan Dato Traoh mempunyai enrolmen murid seramai 783 orang berbanding dengan kapasiti tempat sebanyak 840. Kedua-dua buah sekolah tersebut masih boleh menampung keperluan pendidikan rendah di kawasan Kota Samarahan.

Oleh itu, buat masa ini tiada keperluan mendesak untuk membina sebuah sekolah rendah baharu di kawasan tersebut.